



ENCIK  
THOMAS ANAK PAUL BILUN

*"ITMCS sentiasa dalam ingatan"*



Thomas anak Paul Bilun tidak pernah menjangka pengajian beliau ke Institut Teknologi MARA Cawangan Sarawak (ITMCS) membentuk arah tuju kerjaya beliau hingga ke hari ini. Timbalan Pengarah Audit Negeri Sarawak di Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak ini merupakan seorang individu yang teliti dan sangat menjaga profesionalisme kerja bagi menjamin kualiti audit yang telus.



Anak kepada Paul Bilun yang dilahirkan pada 12hb Ogos 1970 ini melayakkan diri menyambung pengajian diploma di ITM dalam bidang perakaunan di School of Accountancy, seterusnya bergraduat dengan jayanya pada tahun 1992. Pengalaman sebagai seorang pelajar di Kampus Semariang, Petra Jaya dizahirkan melalui kenangan manis semasa Minggu Sesi Suai Kenal dan juga aktiviti kokurikulum unit KESATRIA.



Menelusuri kehidupan peribadinya, Thomas merupakan seorang ayah kepada tiga orang cahaya mata dan mempunyai seorang isteri yang sentiasa menjadi teman dan penyejuk hati beliau. Pendidikan adalah merupakan suatu kepentingan pada diri Thomas dan ini yang selalu diterapkan dalam mendidik anak-anak beliau. Ingatan pada pendidik ITM tidak pernah beliau lupakan dalam membimbing beliau dan rakan-rakan, hanya titipan terima kasih buat para pensyarah yang mampu beliau zahirkan.